

26/01/1999

Laluan alternatif dibina jika perlu

Ebi Azly Abdullah

PETALING JAYA, Isnin - Kerajaan akan hanya menyediakan laluan alternatif bagi lebuh raya tol baru apabila perlu, manakala kadar tol hanya akan dinaikkan selepas tempoh tertentu yang sudah ditetapkan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata syarikat pemegang konsesi yang membina lebuh raya baru atau menaikkan taraf jalan sedia ada tidak disyaratkan menyediakan jalan alternatif bebas tol.

"Apabila perlu, kita menyediakan (jalan alternatif). Apabila tidak perlu, kita tidak sediakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) di Plaza Tol Sunway, dekat sini hari ini.

LDP sejauh 40 kilometer berharga RM1.4 bilion itu menghubungkan Kepong di utara dengan Putrajaya di selatan, serta melalui kawasan Petaling Jaya, Puchong dan USJ. Laluan itu mengenakan kadar tol RM1.50 di empat plaza tol.

Samy Vellu juga berkata, semakan kadar tol pada masa akan datang bagi lebuh raya adalah secara berperingkat dan kenaikan akan datang bagi LDP ialah pada tahun 2007 dan 2016.

Ketika ini, katanya, hanya Projek Lebuhraya Utara-Selatan Sdn Bhd (Plus) yang mengendalikan Lebuhraya Utara-Selatan dibenarkan menaikkan tol setiap tahun.

"Kita telah matang apabila berdepan dengan penswastaan projek lebuh raya. Kita sudah berpengalaman sekarang setelah melihat beberapa projek...ini akan menjadi perkara yang biasa pada masa akan datang.

"Akan tiba satu masa nanti, apabila pemegang konsesi lebuh raya dipertanggungjawabkan bagi semua proses pembinaan dan pengendalian lebuh raya tol tanpa sebarang kos kepada kerajaan," katanya.

Selain itu, kerajaan juga menghentikan pemberian jaminan kewangan kepada pemegang konsesi lebuh raya jika kadar lalu lintas gagal mencapai jangkaan asal, serta menghentikan pembayaran kos pengambilan tanah.

Bagaimanapun, Samy Vellu menjelaskan, syarikat yang memegang konsesi lebuh raya masih tidak diwajibkan menyediakan laluan alternatif kepada pengguna lebuh raya.

"Di mana mungkin, kita akan menyediakan laluan alternatif. Jika tidak mungkin (ada alternatif), kita tidak akan sediakan," katanya.

Pada Mac 1997, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan belum membuat sebarang keputusan untuk mengenakan tol di semua jalan pilihan tetapi tidak menolak kemungkinan ia akan dikenakan pada masa depan.

Menurut Samy Vellu, kerajaan menghentikan amalan pemberian jaminan kewangan untuk mengelakkan daripada menanggung beban apabila kadar lalu lintas tidak memenuhi jangkaan syarikat terbabit.

"Di masa lalu, kita sering memberi jaminan seperti itu. Jika jumlah kenderaan lebih tinggi daripada jangkaan, kita berkongsi keuntungan dan jika lebih rendah, kita akan membantu mereka. Tetapi amalan itu kini dihentikan," katanya.

Samy Vellu yang juga Presiden MIC, melahirkan keyakinan bahawa isu kenaikan tol tidak menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

"Pembangkang hanya cuba menjalankan kerja mereka. Kita juga akan cuba menjalankan kerja kita (kepada rakyat)," katanya.

(END)